

UniMAP Peroleh Geran Penyelidikan Antarabangsa RM1.5 Juta

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mengorak langkah dalam bidang penyelidikan dan pembangunan selepas memeterai Memorandum Persefahaman bagi geran penyelidikan antarabangsa bernilai RM1.5 juta (USD\$ 465,000), dengan agensi penyelidikan Arab Saudi, King Abdul Aziz City of Science And Technology (KACST). Geran penyelidikan itu kelak membolehkan penyelidik UniMAP dan juga penyelidik KACST bekerjasama melaksanakan penyelidikan dan pembangunan konkrit hijau tanpa simen (Green Concrete Polymeric) yang selamat untuk alam sekitar. Satu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman telah diadakan di mana UniMAP diwakili oleh Naib Canselor, Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin manakala KACST diwakili oleh Professor Mohamad Bin Hussain dengan disaksikan oleh Professor Mohamed Bin Ibrahim Al-Suwaiyel.

Perjanjian selama tiga tahun ini membolehkan kedua-dua pihak bekerjasama menjalankan penyelidikan konkrit hijau tanpa simen meliputi aspek Geopolymer Concrete; Polymer Plastic Composite dan Advanced Materials. Perjanjian tersebut turut meliputi aspek latihan untuk tenaga akademik dan penyelidik, perkongsian dan perpindahan ilmu dan teknologi dalam usaha meningkatkan aktiviti-aktiviti saintifik dalam persidangan dan bengkel serta perukuran pelajar, pensyarah dan penyelidik antara kedua-dua pihak.



Selain Dato' Prof. Kamarudin, penyelidikan di pihak UniMAP akan dikendalikan oleh Pensyarah Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan, Mohd. Mustafa Al-Bakri Abdullah dan Prof. Madya Che Mohd. Ruzaidi Ghazali serta turut dibantu oleh Pensyarah Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar, Puan Noorazian Mohamed Noor manakala penyelidikan di pihak KACST akan dikendalikan oleh Prof Mohammad Bin Hussain.